

**CHRISTIAN FEDERATION OF MALAYSIA  
PERSEKUTUAN KRISTIAN MALAYSIA**

*Alamat : 26 Jalan Universiti, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

*Telephone / Fax : + 60 3 7957 1457*

*Emel : [cfmsia@yahoo.co.uk](mailto:cfmsia@yahoo.co.uk)*

8hb. Disember 2014

**RESPON CFM TERHADAP KENYATAAN MAIS MENGENAI  
PEMULANGAN ALKITAB KEPADA LEMBAGA ALKITAB MALAYSIA**

Persekutuan Kristian Malaysia (CFM) telah mengambil masa untuk mengkaji dengan teliti terhadap kenyataan MAIS (lihat lampiran, Surat MAIS dalam Bahasa Inggeris) yang dikeluarkan pada 14hb November 2014 serentak dengan pemulangan Alkitab yang dirampas oleh JAIS daripada Lembaga Alkitab Malaysia (Bible Society of Malaysia, BSM).

Pemulangan tersebut dibenarkan atas budibicara baik DYMM Sultan Selangor, Menteri Besar Selangor (dimulakan oleh Menteri Besar terdahulu) dan individu-individu lain. CFM menghargai pemulangan Alkitab tersebut tetapi juga menyokong kenyataan BSM baru-baru ini terhadap masalah yang timbul.

CFM meninjau dengan penuh kebimbangan mengenai perenggan terakhir surat MAIS yang berbunyi ".....dan berharap pengedaran serta percetakan kitab Injil yang mengandungi perkataan "Allah" tidak dilakukan lagi di Negeri Selangor, kerana ia adalah satu kesalahan di bawah Enakmen Agama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan di kalangan Islam) 1988."

Larangan menyeluruh terhadap penggunaan Alkitab di Negeri Selangor adalah tidak realistik, memandangkan terdapat beribu-ribu rakyat Sabah dan Sarawak yang menetap dan bekerja di negeri Selangor, serta ribuan penganut Kristian di Semenanjung Malaysia yang hanya berfasih dalam bahasa kebangsaan kita.

Kedua-dua kenyataan Archbishop of Kuala Lumpur Gereja Katolik (pada 21hb Oktober 2013) dan CFM (bertarikh 14hb Oktober 2013) telah membuat penjelasan bahawa penggunaan Alkitab yang mengandungi penggunaan perkataan "Allah" akan diteruskan, dalam kebaktian yang dijalankan untuk anggota gereja yang berbahasa Malaysia seperti yang telah dilakukan secara aman tanpa halangan dan masalah sejak beberapa tahun yang lalu.

Pemaksaan pemberhentian penggunaan Alkitab oleh penganut-penganut Kristian di Malaysia dan mereka yang berbakti adalah bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia Perkara 11 Kebebasan Agama, di mana

Fasal (3) (a) menyatakan bahawa "setiap kumpulan agama berhak menguruskan hal ehwal agamanya sendiri".

Ia adalah satu ketidakadilan terhadap penganut Kristian di Malaysia yang hanya beribadah dalam Bahasa Malaysia dan Kitab Suci mereka dalam Bahasa Malaysia yang telah digunakan sejak berabad-abad lalu (lihat Lembaran Fakta CFM pada "Bila, Mengapa dan Bagaimana perkataan" Allah "digunakan oleh orang Kristian" dalam laman web kami: [www.cfmmmsia.org](http://www.cfmmmsia.org)).

Dengan jaminan Perdana Menteri dan Kabinet Malaysia (pada 31hb Oktober 2014) yang menyatakan bahawa mereka akan menjelaskan kepada semua penjawat awam mengenai Penyelesaian 10 Perkara dan Perdana Menteri (pada 14 November 2014) mengaitkan "masalah" daripada "isu Allah" kepada penjawat awam dan memberitahu bahawa penyitaan dan sekatan bukanlah sebahagian daripada penyelesaian yang dijanjikan dalam surat Perdana Menteri kepada CFM (bertarikh 11hb April 2011), ia adalah penting bagi kedua-dua pihak Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri untuk bertindak cepat untuk memastikan bahawa Penyelesaian 10 Perkara merupakan suatu penyelesaian dan bukannya suatu penipuan yang menyebabkan kekeliruan dan pertikaian.

Ditandatangani,

Rev. Dr. Eu Hong Seng  
Pengerusi dan Jawatankuasa Eksekutif  
Persekutuan Kristian Malaysia